

04/03/2005

Setem Khas, sampul surat GEN.2

Oleh Abdul Halim Yusoff

POS Malaysia Bhd (PMB) dengan kerjasama Proton Holdings Bhd (Proton) akan mengeluarkan Setem Khas dan Sampul Surat Hari Pertama dengan tema Proton GEN.2, Isnin depan.

Pengurus Kanan Filateli, Pemasaran Korporat PMB, Wong Lai Kim, berkata setem khas itu akan dilancarkan Penasihat Proton, Tun Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya pada 21 Mac ini.

Beliau bagaimanapun berkata, orang ramai boleh membeli setem edisi terhad itu mulai Isnin depan.

Katanya, PMB memilih GEN.2 kerana ia adalah kereta nasional pertama dipasang dengan enjin Campro, buatan Proton sendiri.

Pencapaian itu melambangkan evolusi Proton daripada sebuah syarikat pemasangan kepada pengeluar kereta yang mempunyai kebolehan sepenuhnya dalam bidang kejuruteraan automotif.

"PMB mengambil peluang untuk mengiktiraf pencapaian Proton menerusi setem ini," katanya pada majlis prebiu setem dan sampul surat hari pertama edisi terhad Proton GEN.2 di Kuala Lumpur, semalam.

Setem bersaiz 40 milimeter (mm) x 30mm itu dicetak dalam helaian mengandungi 20 keping menggunakan kertas tera air bersalut fosfor dikeluarkan dalam denominasi 30 sen, 50 sen dan RM1.

Sejuta keping setem 30 sen saja yang dicetak; 150,000 keping setem 50 sen dan 130,000 setem RM1.

Bagi yang mahu mengumpulkan keseluruhan set edisi terhad berkenaan, kosnya ialah RM52.40.

Lembaran mini bersaiz 100 (mm) x 70mm boleh didapati dengan setem bersaiz 30mm x 40mm pada harga RM2.

Sampul Surat Hari Pertama berharga 30 sen setiap satu serta Pek Cenderamata berharga RM4 satu boleh dibeli di Pejabat Pos seluruh negara dan folder berharga RM5 hanya boleh didapati di pejabat pos terpilih.

Wong berkata, peminat setem digalakkan mendaftar sebagai Pemegang Akaun Pesanan Tetap (Soda) untuk memudahkan mereka menerima setem dan produk filateli tanpa perlu beratur di pejabat pos pada hari keluaran atau menghadapi risiko kehabisan stok.

Setakat ini ada lebih 8,500 pemegang akaun Soda yang aktif.

Untuk menjadi pemegang akaun mereka hanya perlu mendaftar dengan bayaran RM50 dan bagi kekal sebagai pemegang akaun aktif, mereka perlu meninggalkan jumlah baki yang memadai untuk terus menerima tempahan mereka.

Mengenai setem edisi terhad bertemakan GEN.2 itu, beliau berkata, ia bukan pakatan pertama PMB dengan Proton.

Beberapa siri setem edisi terhad pernah dikeluarkan sebelum ini iaitu pada 1985 (Proton Saga), 1995 (pelbagai model Proton) dan 2001 (Waja).

PMB akan membuat 15 terbitan edisi terhad tahun ini, yang mana Proton GEN.2 ialah siri keempat.

Selain Proton, edisi terhad lain yang akan dikeluarkan ialah dengan kerjasama organisasi termasuk Universiti Malaya, Kolej Melayu Kuala Kangsar dan Yayasan Budi Penyayang.

(END) Source : Berita Harian